

## TEMA DAN FUNGSI PERIBAHASA MASYARAKAT KADAZANDUSUN

ROWDELLA RAYMOND RAIMI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAN MELAYU)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



## ABSTRAK

Masyarakat Kadazandusun sangat kaya dengan unsur dan nilai sastera yang mencakupi puisi, prosa tradisional, adat resam, kebudayaan dan banyak lagi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis tema dan fungsi peribahasa masyarakat Kadazandusun sebagai lambang cerminan budayanya. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan mengaplikasikan Teori Budaya dan gagasan Za'ba. Penyelidikan ini menjelaskan secara terperinci jenis-jenis peribahasa, tema dan fungsi peribahasa serta menghuraikan hubungan peribahasa dengan budaya. Justeru, usaha penyelidikan peribahasa sebagai sebahagian khazanah budaya masyarakat Kadazandusun dapat membentuk jati diri mahupun didikan sebagai moraliti masyarakat. Peribahasa turut mengajar nilai hidup bermasyarakat dan membentuk masyarakat yang beradab sopan serta sebagai alat didaktik untuk memperluas pengetahuan bahasa. Oleh itu, hasil daripada kajian ini mendapati bahawa peribahasa dapat dibahagi kepada empat jenis iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan yang dibuktikan melalui seni percakapan dan golongannya dalam bahasa kiasan. Di samping itu, tema dan fungsi dapat menjelaskan secara terperinci keunikan peribahasa yakni mengelompokkan peribahasa semula dan mengaitkan maklumat tersirat dan tersurat. Tema dan fungsi ini selaras dan berkait rapat dengan budaya masyarakat Kadazandusun yang ditonjolkan dari segi ekonomi, adat resam, perkahwinan dan sosial masyarakat Kadazandusun. Menyedari hakikat peribahasa yang kian dilupakan oleh masyarakat Kadazandusun khususnya, maka pendapat para tokoh berkaitan dengan peribahasa dan kebudayaan akan membuktikan kepentingan peribahasa yang mampu membuka minda masyarakat serta mengingatkan semula peribahasa sebagai lambang kebanggaan bahasa dan bangsa. Implikasinya, kajian ini dapat dikongsikan bersama seluruh masyarakat tentang pentingnya peribahasa kepada generasi muda dalam masyarakat.





## THEMES AND ROLES OF KADAZANDUSUN FIGURATIVE EXPRESSIONS

### ABSTRACT

Kadazandusun community is rich with cultural values and elements which consists of literature, customs, lifestyle and many more. Hence, this study was conducted to analyze the themes and roles of Kadazandusun proverbs as the manifestation of its culture. Content analysis was used as the research method according to the Culture theory and principles of Za'Ba. This study seeks to clarify the types of figurative expressions, themes and roles of figurative expressions and explain the relationship between these expressions and the Kadazandusun cultures. Therefore, the significance of this study is to examine the usage of figurative expressions as cultural heritage of Kadazandusun that helps to preserve cultural identity and inculcate moral values in the society. Figurative expressions also play an important role in fostering social values, creating a tolerant society and serves as a didactic medium that can expand the society's understanding of the language. The results of the study indicate that there are four types of figurative expressions: idioms, analogy, adage and proverbs which can be demonstrated through speaking style and its classification as parts of figurative language. Furthermore, themes and role can illustrate the novelty of figurative expressions by redefining them and establishing the link between literal and figurative meanings. In addition, themes and role of figurative expressions are consistent with and pertinent to the culture of Kadazandusun community which are evident in their economy, tradition, marriage, and social life general. The Kadazandusun community is aware of the declining use of figurative expressions. Hence, this study aimed to highlight the opinions of scholars about figurative expressions and cultures which have the potential to help reviving their significance to the community in order to broaden their minds and instill their pride of their local identity and language. Lastly, the findings of this study can benefit the community by educating the younger generation to continue the legacy of the Kadazandusun.



## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

|                                    |     |
|------------------------------------|-----|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b> | ii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>                 | iii |
| <b>ABSTRAK</b>                     | iv  |
| <b>ABSTRACT</b>                    | v   |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>               | vi  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>              | x   |
| <b>SENARAI RAJAH</b>               | xi  |

### BAB 1 PENDAHULUAN

|                           |    |
|---------------------------|----|
| 1.1 Pengenalan            | 1  |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2  |
| 1.3 Permasalahan Kajian   | 5  |
| 1.4 Objektif Kajian       | 10 |
| 1.5 Soalan Kajian         | 10 |
| 1.6 Kepentingan Kajian    | 11 |
| 1.7 Batasan Kajian        | 13 |
| 1.8 Kaedah Kajian         | 15 |
| 1.9 Definisi Istilah      | 17 |
| 1.9.1 Tema                | 18 |
| 1.9.2 Fungsi              | 19 |

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| 1.9.3 Peribahasa              | 20 |
| 1.9.4 Masyarakat Kadazandusun | 22 |
| 1.10 Kesimpulan               | 26 |

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATURE**

|                                               |    |
|-----------------------------------------------|----|
| 2.1 Pengenalan                                | 28 |
| 2.2 Kajian Oleh Pengkaji Tempatan             | 32 |
| 2.3 Kajian Oleh Pengkaji Barat                | 42 |
| 2.4 Pendapat Tokoh mengenai Puisi Tradisional | 48 |
| 2.5 Kesimpulan                                | 50 |

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|                                                                |    |
|----------------------------------------------------------------|----|
| 3.1 Pengenalan                                                 | 52 |
| 3.2 Puisi Tradisional                                          | 53 |
| 3.2.1 Pantun                                                   | 53 |
| 3.2.2 Syair                                                    | 55 |
| 3.2.3 Nazam                                                    | 55 |
| 3.2.4 Gurindam                                                 | 56 |
| 3.2.5 Seloka                                                   | 56 |
| 3.2.6 Teka-teki                                                | 57 |
| 3.2.7 Teromba                                                  | 57 |
| 3.2.8 Talibun                                                  | 58 |
| 3.2.9 Peribahasa                                               | 58 |
| 3.3 Persamaan Peribahasa Kadazandusun dengan Peribahasa Melayu | 60 |
| 3.3.1 Struktur Peribahasa Melayu                               | 62 |

|                                                                              |    |
|------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.4 Pengaplikasian Model Terjemahan dalam Peribahasa Masyarakat Kadazandusun | 66 |
| 3.5 Proses Terjemahan dalam Kajian Peribahasa Masyarakat Kadazandusun        | 68 |
| 3.6 Reka Bentuk Kajian                                                       | 69 |
| 3.7 Cara Mengumpul Data                                                      | 72 |
| 3.8 Sumber Data                                                              | 74 |
| 3.9 Instrumen Kajian                                                         | 74 |
| 3.10 Prosedur Memungut Data                                                  | 75 |
| 3.11 Analisis dan Interpretasi Data                                          | 80 |
| 3.12 Kajian Budaya Barat dan Tempatan                                        | 81 |
| 3.12.1 Kajian Budaya Tempatan                                                | 82 |
| 3.12.2 Kajian Budaya Barat                                                   | 84 |
| 3.13 Model/ Teori Budaya                                                     | 86 |
| 3.14 Kesimpulan                                                              | 95 |

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

|                                           |     |
|-------------------------------------------|-----|
| 4.1 Pengenalan                            | 97  |
| 4.2 Terjemahan                            | 98  |
| 4.3 Dapatan Kajian                        | 99  |
| 4.3.1 Peribahasa Masyarakat Kadazandusun  | 103 |
| 4.4 Pengelompokan Peribahasa Kadazandusun | 113 |
| 4.4.1 Simpulan Bahasa                     | 118 |
| 4.4.2 Perumpamaan                         | 125 |
| 4.4.3 Pepatah                             | 134 |

|                                                         |     |
|---------------------------------------------------------|-----|
| 4.4.4 Bidalan                                           | 139 |
| 4.5 Tema dan fungsi Peribahasa Kadazandusun             | 144 |
| 4.5.1 Didikan Sebagai Moraliti Masyarakat Kadazandusun  | 145 |
| 4.5.2 Kemasyarakatan                                    | 147 |
| 4.5.3 Kesyukuran                                        | 149 |
| 4.5.4 Adab Sosial Masyarakat Kadazandusun               | 151 |
| 4.5.5 Estetika pengucapan dalam masyarakat Kadazandusun | 154 |
| 4.5.6 Kesantunan Bahasa                                 | 156 |
| 4.6 Peribahasa dan budaya dalam masyarakat Kadazandusun | 159 |
| 4.7 Kesimpulan                                          | 163 |

## BAB 5 RUMUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

|                                                                     |     |
|---------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1 Pengenalan                                                      | 165 |
| 5.2 Kerelevanan Peribahasa dengan kehidupan masyarakat Kadazandusun | 166 |
| 5.3 Masalah                                                         | 168 |
| 5.4 Usaha-usaha untuk mengekalkannya                                | 169 |
| 5.5 Kesimpulan                                                      | 175 |

|         |     |
|---------|-----|
| RUJUKAN | 177 |
|---------|-----|

## LAMPIRAN



## SENARAI JADUAL

| No. Jadual                                                       | Muka Surat |
|------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.1 Senarai Responden                                            | 79         |
| 4.1 Pengumpulan peribahasa hasil kajian lapangan oleh penyelidik | 103        |
| 4.2 Pengumpulan peribahasa hasil kepustakaan                     | 107        |
| 4.3 Simpulan Bahasa Masyarakat Kadazandusun                      | 121        |
| 4.4 Perumpamaan Masyarakat Kadazandusun                          | 130        |
| 4.5 Pepatah Masyarakat Kadazandusun                              | 138        |
| 4.6 Peribahasa Masyarakat Kadazandusun                           | 150        |
| 4.7 Peribahasa Masyarakat Kadazandusun                           | 160        |



## SENARAI RAJAH

| No. Rajah                                                       | Muka Surat |
|-----------------------------------------------------------------|------------|
| 3.1 Struktur peribahasa Melayu Menurut Mohd.Tajuddin Abd Rahman | 64         |
| 3.2 Struktur Peribahasa Melayu Menurut Abdullah Hussain         | 65         |
| 3.3 Proses Terjemahan Roger T.Bell                              | 68         |
| 3.4 Reka Bentuk Kajian                                          | 70         |
| 3.5 Model Analisis Deskriptif                                   | 81         |
| 3.6 Aplikasi Teori Budaya                                       | 90         |
| 4.1 Hasil Analisis dan Dapatan Kajian                           | 100        |



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pendahuluan



Kajian ini membincangkan tentang aspek kajian utama iaitu tema dan fungsi peribahasa yang dikaji dalam kalangan masyarakat Kadazandusun yang memperlihatkan tentang gambaran sosial dan budaya masyarakat dalam pelbagai aspek secara khususnya. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menyatakan permasalahan yang timbul, persoalan dan tujuan kajian, kepentingan aspek kajian dan definisi operasional kajian. Penyelidikan ini juga dilakukan bertujuan untuk memberi jawapan yang sah kepada ketidakpastian. Secara menyeluruh, pengkaji menjelaskan peribahasa sebagai fokus utama dalam kajian yang dikaitkan dengan tema dan fungsinya dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Melihat konteks peribahasa dalam kalangan masyarakat Melayu, dianggap sebagai suatu aspek yang penting dan memainkan peranan yang penting. Peribahasa yang digunakan dalam masyarakat Melayu juga dianggap sebagai alat untuk menyampaikan sesuatu nasihat, teguran, atau ingatan secara kiasan atau sindiran. Menurut Alan Dundes (1989) dalam menyatakan sesuatu kritikan, terutamanya jika ingin menunjukkan kesalahan atau mencela seseorang menggunakan peribahasa agar individu sasaran akan lebih mudah menerima teguran tersebut daripada dikritik atau dicela secara langsung.

Asmah Hj Omar (2008:162) mendakwa bahawa wujudnya peribahasa adalah hasil daripada beberapa faktor, iaitu cara orang Melayu melihat alam di sekelilingnya, pengalaman yang diperolehnya daripada kehidupan sehari-hari dan juga pengalaman yang begitu banyak terkumpul yang diturun-temurunkan daripada nenek moyangnya, peraturan dalam hidupnya yang berpandukan ajaran agama dan amalan budayanya. Jadi, kita dapat mengenal pasti corak pemikiran yang merangkumi falsafah, kepercayaan, dan norma sesuatu bangsa melalui lambang dalam peribahasa.

Pendeta Za'ba (2002:152) mentakrifkan peribahasa sebagai “segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dipakai dan ia akan menjadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran”.





Selain itu beliau turut menyatakan peribahasa sebagai susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya. Peribahasa tradisi merujuk kepada peribahasa yang digunakan dalam pertuturan sehari-harian atau secara bercetak sebelum tarikh kemerdekaan. Peribahasa moden pula merujuk pada apa yang dicipta selepas tarikh tersebut. Peribahasa merupakan sebahagian daripada bahasa kiasan dalam budaya Melayu.

Oleh yang demikian, peribahasa memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu. Melihat konteks ini, selain daripada peribahasa Melayu yang sangat terkenal di negara Malaysia, peribahasa juga wujud dalam kelompok kaum yang berbilang bangsa. Peribahasa membina minda selain memberi pengajaran yang baik kepada masyarakat. Dalam peribahasa juga terkandung falsafah hidup dan nilai moral yang tinggi malah digunakan sebagai pedoman hidup dalam kehidupan masyarakat. Berdasarkan aspek kajian terhadap peribahasa, masyarakat kaum berbilang bangsa di Sabah juga menggunakan peribahasa yang sinonim dengan kehidupan budayanya.

Negeri Sabah memiliki warisan bahasa mengikut kaum yang pelbagai. Kedudukan peribahasa dalam masyarakat Sabah bergantung kepada pengamalan masyarakat bijak pandai dan kata-kata yang diwarisi daripada nenek moyang. Masyarakat Kadazandusun tradisional juga menggunakan *poinukadan* (peribahasa) dalam kehidupan sehari-hari seperti di rumah iaitu antara ibu bapa dengan anak-anaknya, bersapa dengan jiran di tengah jalan semasa pergi berburu, berkebun dan sebagainya, kata yang terungkap semasa di tamu (pasar minggu), digunakan dalam





majlis ritual, kenduri-kendara, upacara kematian, dan lain-lain lagi. *Poinukadan* (peribahasa) yang digunakan semasa berjumpa di tengah jalan adalah berkaitan dengan cuaca dan sebagainya. *Poinukadan* (peribahasa) juga dapat dijadikan medium untuk menjelaskan sifat individu tertentu seperti malas, rajin, laju, lembab, bodoh, gelojoh, tamak dan sebagainya (Minah Sintian 2012: 2).

Peribahasa itu sama tua dengan bahasa sesuatu bangsa dan peribahasa mula-mula digunakan apabila bangsa mulai mengenal peradaban, ketika kehidupan manusia perlu diatur, batas yang baik dengan yang buruk perlu diadakan, untuk menjadikan pendinding tatatertib pergaulan dan perhubungan sesama manusia (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2007: 59).



Peribahasa masyarakat Kadazandusun turut memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakatnya. Tidak sekadar menjadi mainan bahasa dan alat hiburan dalam mencetus pemikiran masyarakat tetapi merupakan warisan turun temurun yang harus dikekalkan dan dijadikan sebagai khazanah warisan bangsa. Oleh itu, peribahasa ini merupakan salah satu aspek puisi yang ingin di rungkai oleh pengkaji menerusi kajian penyelidikan utama pengkaji.

Justeru, kajian ini dilaksanakan kerana kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelumnya agak terbatas dan sukar untuk diperolehi. Malah peribahasa sehingga kini kurang mendapat tempat dalam masyarakat kerana mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti perubahan zaman teknologi menyebabkan pengumpulan peribahasa asli sukar didapati, penggunaan peribahasa yang tidak diwarisi oleh





generasi muda, meletakkan bahasa Kadazandusun terhimpit menjadi bahasa saduran Bahasa Melayu menyebabkan bahasa asli Kadazandusun dilupakan dan sebagainya.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Peribahasa merupakan sub bidang yang terdapat dalam puisi tradisional dan telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Kadazandusun sehingga menjadi asam garam kehidupan masyarakat dahulu kala. Namun berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat beberapa masalah yang berlaku dalam masyarakat Kadazandusun.

Pertama, berlaku masalah pengelompokan kategori peribahasa mengikut sistem peribahasa yang betul. Kajian ini bertujuan untuk mengatasi masalah kekeliruan atau kekeliruan terhadap kelompok peribahasa yang dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian dalam sistem peribahasa. Dalam masyarakat Kadazandusun tanggapan terhadap perumpamaan, simpulan bahasa atau pepatah adalah peribahasa yang sama. Melalui pemerhatian pengkaji, sebilangan besar golongan tua yang berpendidikan boleh menuturkan peribahasa dengan baik, manakala golongan tua yang mencecah umur sekitar 60an ke atas kebanyakannya boleh menuturkan peribahasa dengan baik namun hanya menganggap bahasa tersebut adalah bahasa kiasan sehari-hari. Manakala golongan pendidik yang fasih berbahasa Kadazandusun pula, mampu memahami istilah peribahasa dan pembahagian yang sesuai menurut pengalaman dan pendidikannya. Namun masalah penguasaan peribahasa amat membimbangkan dalam kalangan generasi muda kini





yang semakin melupakan peribahasa sebagai salah satu sastera lisan dalam puisi tradisional.

Menurut Julita @ Norjietta binti Taisin (2014 : 9), kebanyakan generasi muda pada masa kini tidak berminat terhadap tradisi lisan kerana mereka lebih tertarik kepada bentuk hiburan baharu yang terdapat di pasaran. Demikian juga dengan aktiviti bersudawil dalam menyampaikan pengajaran dengan penggunaan bahasa kiasan tradisional adalah jarang-jarang sekali kedengaran pada masa kini. Pernyataan ini selaras dengan kajian yang telah dilakukan oleh Janathan Kandok (2012:8) yang telah menyatakan bahawa khazanah genre lisan akan lenyap bersama pemergian generasi lama pada suatu hari kelas kerana generasi muda pada masa kini didapati tidak begitu berminat dengan genre sastera rakyat lagi. Mereka lebih terpengaruh



dengan lagu-lagu moden.

Oleh yang demikian, pengkaji melihat bahawa Kadazandusun perlu diteliti semula dan dikelompokkan mengikut pecahan yang sesuai kerana pengelompokkan peribahasa ini juga masih kurang mendapat perhatian dan hanya menggunakan istilah *poinukadan* (peribahasa) untuk menjelaskan ayat yang diungkapkan. Justeru itu, pengelompokan peribahasa ini penting bagi menjelaskan perbezaan beberapa aspek yang terdapat dalam peribahasa.

Menurut Mohd. Tajuddin Abd Rahman (Mei, 2006) menyatakan bahawa peribahasa boleh dibahagikan kepada empat unsur iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan. Secara keseluruhannya, peribahasa adalah





bahasa kiasan yang dapat dibahagikan kepada empat sub iaitu simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan dan bidalan. Abdullah Hussain (2004), malah menerangkan secara terperinci setiap sub peribahasa tersebut. Simpulan bahasa merupakan ungkapan yang biasanya terdiri daripada dua atau tiga perkataan dan mempunyai makna yang berlainan sama sekali daripada makna asal perkataan-perkataan tersebut. Pepatah pula, juga dikenali sebagai perbilangan yang merupakan ungkapan yang asal-usulnya daripada pusaka adat resam. Maknanya tidak berubah-ubah dan berfungsi sebagai pedoman hidup anggota masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam dan memiliki ciri-ciri tradisi Melayu. Manakala bidalan pula adalah pepatah atau peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat. Sementara perumpamaan yang merujuk kepada perbandingan makna yang sangat jelas kerana didahului oleh perkataan seolah-olah, ibarat, bak, seperti, laksana, macam, bagai, dan umpama.



Secara menyeluruh, bahasa kiasan merupakan ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun susunan tatabahasanya.

Seterusnya permasalahan yang kedua ialah masyarakat tidak menyedari kepentingan peribahasa sebagai pembentuk norma kehidupan masyarakat Kadazandusun. Peribahasa yang diguna pakai dalam sesebuah upacara, ekonomi, adat dan sosialnya menggambarkan corak kehidupan masyarakat Kadazandusun yang unik. Masalah timbul apabila generasi muda kini kurang pendedahan terhadap penggunaan peribahasa yang sebenarnya mempunyai tema dan berfungsi dalam memupuk hubungan persaudaraan, mengukuhkan dasar dan penunjang keharmonian masyarakat Kadazandusun, sebagai lambang pengenalan masyarakat Kadazandusun serta mampu membina masyarakat yang bertamadun.





Menurut Saidatul Nornis Hj.Mahali (2007:59) Peribahasa (poinukadan) itu sama tua dengan bahasa sesuatu bangsa dan peribahasa mula-mula digunakan apabila bangsa mulai mengenal peradaban, ketika kehidupan manusia perlu diatur, batas yang baik dengan yang buruk perlu diadakan, untuk menjadikan pendinding tata tertib pergaulan dan perhubungan sesama manusia. Namun keadaan masa kini mengubah struktur kehidupan budaya masyarakat Kadazandusun. Peribahasa kelihatan semakin pudar dan seolah-olah puisi tersebut tidak berguna lagi sedangkan aspek puisi itu sendiri melambangkan identiti masyarakatnya. Kelalaian yang berlaku dalam generasi kini disebabkan arus pemodenan yang menjadi penyebab masyarakat tidak menyedari puisi tradisional merupakan warisan yang seharusnya dipertahankan untuk generasi mendatang supaya tidak lenyap ditelan zaman.



Selain itu, masalah ketiga yang timbul dalam masyarakat Kadazandusun ialah peribahasa yang membawa maksud tersirat mahupun tersurat tidak mampu di mengerti oleh generasi masa kini. Pengkaji melihat peribahasa yang sering kali diketengahkan dalam masyarakat Kadazandusun jarang mengungkapkan makna secara langsung. Meskipun masih terdapat segelintir masyarakat yang suka mengungkapkan peribahasa melalui pelbagai aktiviti kehidupan. Namun kadangkala ungkapan tersebut diungkap begitu sahaja tanpa memahami makna sebenar peribahasanya sehingga ia disalah tafsir.





Peribahasa memiliki makna yang tersirat atau berkias, malah terbentuk dalam rangkai kata. Menurut Saidatul Nornis Hj. Mahali (2007), bahasa berkias digunakan oleh ahli masyarakat dalam kebanyakan budaya untuk meluahkan dan menyampaikan pesanan, teguran, pendidikan dan sindiran halus kepada individu atau sasaran yang hendak ditegur atau disindir. Oleh itu, masalah yang timbul menyebabkan keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan masyarakat moden tidak mampu menghayati dan memahami pembudayaan yang dibawa melalui inti dan amalan puisi tersebut.

Justeru, melalui pengelompokan peribahasa dalam penyelidikan ini pengkaji akan menjelaskan dan menghubungkan hubungan tema dan fungsi peribahasa dengan budaya masyarakat Kadazandusun. Selain itu, pengkaji juga mengkaji semula setiap pengelompokan peribahasa yang terdiri daripada puisi tradisional yang mempunyai peranan, teladan dan nilai yang tersendiri serta menjadi cerminan budaya dalam kehidupan masyarakat sama ada dalam bentuk penyampaian secara tersirat atau tersurat. Kajian ini juga penting bagi memupuk kesedaran kepada khalayak ramai untuk mengangkat kewujudan peribahasa yang merupakan salah satu cabang sastera dalam puisi tradisional dan sebagai suatu khazanah atau warisan yang berguna untuk semua lapisan masyarakat.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menjelaskan secara terperinci tentang;

1. Mengenal pasti pengelompokan jenis-jenis peribahasa dalam masyarakat Kadazandusun.
2. Menjelaskan tema dan fungsi yang terdapat dalam peribahasa masyarakat Kadazandusun.
3. Menjelaskan hubungan tema dan fungsi dengan budaya masyarakat Kadazandusun.



## 1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah jenis-jenis peribahasa yang terdapat dalam masyarakat Kadazandusun mengikut pengelompokan fungsi?
2. Apakah tema dan fungsi peribahasa dalam masyarakat Kadazandusun?
3. Sejauh manakah wujudnya perkaitan antara tema dan fungsi peribahasa Kadazandusun dengan budaya masyarakat Kadazandusun ?





## 1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada perkembangan sastera masyarakat Kadazandusun dan boleh dijadikan sebagai asas rujukan atau rujukan ilmiah kepada pelajar atau masyarakat yang memerlukannya setelah kajian siap dilakukan.

Menurut Appell (1968) dalam Julita@Norjietta bt Taisin (2014:9) menyatakan bahawa terdapat tradisi lisan yang telah terbangun ke tahap yang tinggi luar biasa keindahannya di Sabah yang didapati dalam kalangan semua suku kaum asli. Sementara kewujudannya diiktiraf oleh banyak pihak. Sebahagian daripadanya adalah berasaskan doa dan dikir yang digunakan dalam kitaran pertanian, percintaan, penyembuhan penyakit dan dalam melindungi dan memelihara kesuburan wilayah kampung. Ia adalah sepenuhnya sama indah dan sofistikated, dari segi imejan puisi, seperti Saga-Saga Norse Lama, epik-epik Homer dan sastera dari India. Dengan demikian, dari segi nilai-nilai estetika ia setaraf dengan mana-mana sastera agung dunia.

Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji melihat kepentingan peribahasa masyarakat Kadazandusun sebagai wadah penyampai bahasa dan cerminan budaya dalam memberi didaktik kepada masyarakatnya. Malah, peribahasa Kadazandusun ini sudah diwarisi sejak turun temurun secara lisan dan sukar ditemukan dalam bentuk tulisan sehingga peribahasa ini semakin dilupakan dan jika diabaikan akan hilang ditelan zaman.





Selain itu, hasil kajian penting sebagai asas kepada masyarakat Kadazandusun untuk mendalami aspek peribahasa terutamanya generasi muda. Melalui kajian ini, diharapkan peribahasa masyarakat Kadazandusun menjadi salah satu contoh atau tatapan pelajar yang ingin menelusuri tentang keindahan peribahasa dan disiplin ilmu kata yang terdapat di dalam peribahasa. Kajian ini penting dalam mencungkil organisasi kehidupan masyarakat Kadazandusun yang menggunakan peribahasa sebagai pendinding tatatertib pergaulan dan perhubungan hidup sesama manusia kerana menerusi penggunaan peribahasa dalam kalangan masyarakat Kadazandusun peribahasa boleh dikatakan sebagai harta intelek kerana kiasannya atau tegurannya yang membina jati diri masyarakat setempat. Di samping itu, kajian ini akan membongkar maksud tersirat dan tujuan penyampaian peribahasa yang merupakan salah satu cabang puisi tradisional sama ada bertujuan untuk menasihati, menegur, menyindir, mengingatkan dan menghibur pihak yang berkaitan.

Kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada golongan pendidik Kadazandusun untuk memahami pengelompokan peribahasa yang disalurkan kepada pelajar atau generasi muda. Melalui kajian ini, pengkaji berharap agar peribahasa dijadikan sebagai media atau alat bantu mengajar golongan pendidik dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan yang menumpukan tentang peribahasa dan jenis-jenis peribahasa yang terdapat dalam masyarakat Kadazandusun baik dari segi pengelompokan peribahasa, inti peribahasa yang mengandungi isi tersirat dan tersurat serta budaya yang dibawa oleh masyarakat itu sendiri boleh dijadikan tatapan masyarakat sama ada untuk tujuan rujukan, pemantapan peribahasa dan





wadah pengajaran bahasa Kadazandusun. Justeru kajian peribahasa ini secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan kepada generasi muda serta rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji tentang keunikan dan gaya hidup yang dilalui serta diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun.

Di samping itu, kajian ini penting sebagai pendukung kepada generasi muda untuk memahami ungkapan peribahasa berdasarkan tema dan fungsinya agar peribahasa tidak hilang ditelan zaman. Menurut Janathan Kadok (2012), mendapati bahawa tema dan mesej jelas kelihatan dengan pengkelasan *sundait* (teka-teki) mengikut fungsi berdasarkan kepercayaan, adat dan budaya masyarakat Kadazandusun. Pengkaji menyimpulkan peribahasa turut memiliki tema dan fungsi yang terkandung dalam ayatnya. Melalui tema dan fungsi peribahasa ini mampu menyadurkan nilai-nilai budaya, sosial, adat, jati diri dan sebagainya yang menjadi pegangan hidup, pengalaman dan pengajaran kepada masyarakat pendukungnya.

## 1.7 Batasan Kajian

Penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji adalah terbatas mengikut lokasi, kaum dan aspek kajian yang telah dipilih. Negeri Sabah terdiri daripada berbilang kaum. Etnik terbesar di Sabah adalah Kadazan Dusun, Bajau dan Murut. Manakala Suku kaum yang lain ialah Kedayan, Bisaya, Iranum, Rungus, Kimarang, Kwijau, Lundayeh, Ubian, Binadan, Orang Sungai, Tatana, Tagaas, Brunei, Suluk dan lain-lain. Disebabkan masyarakat Kadazandusun di Sabah merupakan etnik yang terbesar





dan lokasinya mencakupi hampir seluruh tempat dalam negeri Sabah, maka pengkaji membatasi kajian dengan memilih dua daerah sebagai fokus utama kajian penyelidikan iaitu daerah Keningau dan Tambunan. Sila rujuk **Lampiran A**.

Kajian ini hanya difokuskan kepada masyarakat Kadazandusun kerana bahasa ini merupakan bahasa ibunda pengkaji dan ingin menyumbang serta mengangkat martabat sastera Kadazandusun yang harus dipertahankan agar tidak lenyap ditelan zaman. Selanjutnya kajian peribahasa Kadazandusun ini merungkai aspek tema dan fungsi dalam masyarakat Kadazandusun. Yakni tema bertujuan untuk menjelaskan secara eksplisit atau implisit persoalan yang timbul dari pelbagai ragam kehidupan masyarakat Kadazandusun sama ada bertemakan kekeluargaan, kemasyarakatan, pendidikan, sosial, budaya, adat dan sebagainya.

Manakala fungsi peribahasa pula dilihat dari segi estetika bahasa yang keluar dari ucapan bibir, menguatkan tujuan penyampaian atau percakapan dan boleh dijadikan pedoman hidup kerana makna isinya yang mengandungi nilai-nilai murni.

Spradley (1980) dalam Julita@Norjietta binti Taisin (2014 : 42) menyatakan bahawa untuk memilih tempat kajian bagi melaksanakan penyelidikan seseorang penyelidik mempunyai alasan tersendiri. Pengkaji memilih daerah Tambunan dan Keningau kerana Tambunan adalah daerah asal keluarga pengkaji iaitu kampung Tibabar dan Tinompok. Manakala Keningau merupakan daerah kelahiran pengkaji dan kebanyakan responden pengkaji adalah penduduk asal daerah Tambunan yang berhijrah ke Keningau mahupun yang masih kekal menetap di Tambunan. Selain itu,





pengkaji memilih kedua daerah tersebut atas cadangan dan saranan daripada orang tua pengkaji dan ketua kampung yang berpengalaman serta mengenali responden yang boleh menuturkan peribahasa dengan baik. Untuk menjelaskan lokasi tersebut, dilampirkan dalam bahagian lampiran.

Kajian ini hanya meneliti peribahasa dan cabang peribahasa seperti simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan yang diperolehi daripada kajian lisan hasil rakaman video dan audio di lapangan serta data kepustakaan yang diperolehi daripada buku-buku Kadazandusun yang mangandungi peribahasa. Peribahasa ini terbatas kaedah kajian lapangan kerana penuturnya terdiri daripada golongan tua atau orang-orang tua yang masih mewarisi peribahasa sebagai bahasa harian. Manakala kajian kepustakaan dijalankan untuk mengumpul data sebanyak mungkin peribahasa yang telah dibukukan untuk dikelompokkan semula mengikut cabang peribahasa.



## 1.8 Kaedah Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kajian melalui kaedah kajian lapangan dan penyelidikan kepustakaan bagi memastikan kajian ini berjalan lancar dan memperoleh hasil yang sempurna. Kaedah ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang tepat, padat dan berkesan. Bahan-bahan yang dijadikan rujukan pengkaji ialah buku, majalah, jurnal yang relevan telah ditulis dan dihasilkan oleh beberapa pengkaji berkaitan dan bersangkutan paut dengan peribahasa sebagai puisi tradisional masyarakat Kadazandusun. Kajian kepustakaan ini juga penting dalam

